

Subjektiviti pada Sudut Pandang Marxis

AHMAD NAZIRUDDIN ZAKARIA

Persoalan tentang falsafah menjadi satu persoalan yang tiada solusinya, kadang-kala falsafah dikatakan sebagai satu permainan kata-kata dengan penggunaan bahasa jargon yang tinggi berserta konsep yang menyukarkan masyarakat awam memahaminya. Walaupun begitu, kajian terhadap falsafah diteruskan juga oleh kebanyakan mereka yang menekuni setiap kata daripada tokoh-tokoh sebelum ini. Tidak dapat dinafikan, persoalan falsafah walaupun tidak memberi solusi seperti sains, tetapi soalan-soalan yang diajukan filasuf adalah bertujuan menjelaskan jawapan yang dikatakan konkrit, masakan filasuf ditohmahkan sekadar bermain kata kerana jika kita menjengah ke belakang, filasuf abad klasikal, mereka mendalami pelbagai bidang bukan sahaja perihal falsafah tetapi juga ilmu logikal, ilmu alam, matematik, kosmologi, fizik, biologi malahan jika ditelaah pula pada tokoh falsafah Islam, mereka berkemahiran dalam ilmu undang-undang Islam (*fiqh*) selain daripada teologi.

1 Pengenalan

Subjektiviti dilihat sebagai satu perkataan yang kontroversi dalam diskusi marxisme. Subjektiviti berlawanan dengan objektiviti, ialah soal yang membicarakan perihal sesuatu perkara atau situasi yang tidak terlepas daripada akal budi manusia. Pembincangan tentang epistemologikal subjektif/objektif menjadi satu daripada batu asas kepada pembangunan falsafah sehingga kini. Manakala

objektiviti pula ialah perihal sesuatu perkara atau situasi yang terlepas daripada akal budi manusia. Sebagai contoh: sebuah pokok di hutan tumbang dan mengeluarkan sesuatu bunyi. Seorang yang memegang epistemologi objektif akan mengatakan bunyi pokok itu tanpa kehadiran manusia turut terhasil manakala seorang yang memegang epistemologi subjektif akan melihat bunyi pokok itu hadir kerana adanya manusia berdekatan.

Dalam perkaitan antara marxisme, pembincangan tentang subjektif dan objektif mendapat tempat pada tokoh Engels dan diteruskan oleh Lenin pada awal perdebatan tentang falsafah. Marx hanya membahaskan soal falsafah sewaktu zaman mudanya setelah 1844, penulisan kritis beliau terhadap falsafah sangat kurang, malahan hanya selitkan kata-kata berbau falsafah. Oleh sebab itu, kebanyakan tokoh-tokoh marxisme yang menekuni falsafah akan merujuk catatan Marx sebelum 1844 dan catatan Engels. Setelah itu, reaksi terhadap falsafah yang dicatat Engels diteruskan oleh golongan ortodoks seperti Lenin, Trotsky, Stalin, Moa, Rosa, Gramsci sehingga muncul beberapa gagasan fikiran baru seperti *Frankfurt School*, eksistensial seperti Sarte, dan kemunculan analitik marxisme. Dan kini gagasan baru seperti *New Marxisme* yang mendapat tempat oleh Delueze, Zizek, Balibar, Guattari, dan beberapa yang lain. Manakala di pihak yang satu lagi adalah golongan yang ingin mengekalkan 'kesucian' marxisme itu di atas jalannya yang mana tokoh-tokoh mereka seperti Althusser, Badiou dan beberapa yang lain.

Subjektiviti jika dijelaskan secara ringkas adalah pembincangan tentang individu, soal sosok manusia dan mengaitkan manusia itu dengan apa yang dicerapnya. Pembacaan awal terhadap catatan-catatan Marx dan Engels yang membicarakan perihal manusia boleh dilihat pada tulisan Marx yang bersangkutan-paut dengan alienasi pekerja.¹ Pembincangan falsafah pada zaman Marx lebih menjurus kepada pembincangan subjektiviti, walaupun golongan *Young Hegelian* yang dipelopori oleh Ludwig Feuerbach guru kepada Marx telah membawa falsafah yang 'berbeza' daripada Hegel, tetapi masih dalam kerangka pembincangan idealisme. Iaitu soal fikiran manusia dalam menentukan realiti. Apa yang Marx cuba bawa ialah persoalan tentang sesuatu yang realiti daripada imaginasi manusia, sesuatu yang realiti di luar fikiran manusia, sesuatu yang dikatakan ada itu Ada tanpa gangguan fikiran manusia, sesuatu yang Ada itu tidak memerlukan korelasi dengan fikiran manusia.

¹Marx 1844.

Jika dijenjang perkembangan falsafah marxisme, perkataan jargon yang selalu tampak dipakai oleh golongan marxis adalah dialektikal materialisme dan historikal materialisme.² Terma ini sering dijadikan sebagai mantra oleh pembaca dan pengkagum marxisme. Terma ini akan diperjelaskan dengan begitu gah sekali berserta pembuktian saintifik malahan terma ini ibarat akidah bagi golongan marxisme. Walaupun begitu, terma-terma ini tidak terkandung dalam tulisan Marx dan Engels, tetapi kemunculannya sewaktu kebangkitan kuasa pekerja dan pembangunan negara Soviet di Russia. Perdebatan tentang falsafah sangat rancak sehingga tulisan-tulisan Marx mula di baca oleh ramai tokoh-tokoh baik daripada falsafah sehingga ekonomis dan penganalisis politik.

Persoalan subjektiviti mendapat tempatnya oleh tokoh-tokoh marxisme seperti Gramsci, selain itu golongan *Frankfurt School* – Adorno, pemikir marxisme humanis seperti Henri Lefebvre, dan selepas itu kemunculan pasca-marxisme iaitu golongan yang lebih dikenali sebagai pasca-modenis seperti Laclau, Negri, Hardt, Guattari dan Deleuze. Selain itu pembincangan marxisme dalam cabang *phenomenology* iaitu antaranya Sarte dan Merleu Ponty turut menjadi satu cabang dalam subjektiviti marxisme. Serangan terhadap tokoh-tokoh subjektiviti ini datang daripada tokoh falsafah Perancis iaitu Louis Althusser – tatkala pembincangan tentang manusia hangat diperdebatkan, beliau datang untuk membalikkan pembincangan kepada perihal yang objektif dengan memisahkan fikiran Marx kepada dua gagasan iaitu Marx muda dan Marx tua.

Persoalan tentang Marxisme sangat bersimpang-siur, malahan bukan itu sahaja, serangan terhadap Engels yang memutar-belitkan Marx juga dibuat oleh Marxologis. Menurut mereka, membaca Marx dengan tuntas adalah membaca tulisan Marx tanpa melibatkan campur-tangan orang lain. Serangan ini lebih menjurus kepada persoalan dialektikal materialisme yang menjadi mantra setiap kelompok marxis. Apa-apa sahaja yang ingin dikaitkan dengan proses akan dilemparkan perkataan dialektik dengan sewenang-nangnya. Walaupun begitu, Alan Wood seorang tokoh marxisme yang berfahaman Trotskyis membela tulisan Engels.³ Secara ringkasnya

²Dialektikal dan Historikal Materialisme: Persoalan tentang falsafah epistemologi dan ontologi yang mendapat nama sewaktu zaman kegemilangan Soviet Union. Diberi-nama oleh Stalin dalam buku beliau *Dialectical and Historical Materialism*.

³Terbitan buku beliau iaitu *Reason in Revolt: Marxist Philosophy and Modern Science*.

marxisme itu menjadi bersimpang-siur sebaik sahaja terjerumus dalam marxisme.

2 Falsafah dalam Marx

Perkembangan awal Marx seperti yang diketahui oleh pembaca marxisme adalah berkisar soal falsafah Hegel. Marx dan falsafah menjadi sangat erat selepas beliau mengenali ayah mertuanya. Sejak itu semangat dan minat beliau terjurus kepada bidang falsafah. Terkesan dengan pembawakan kelompok Hegelian Muda, beliau mula bermanja-manja dengan mengkritik sistem politikal pada waktu itu. Terutama tulisan kritikan beliau terhadap Hegel dalam tulisan – *Critique On Hegel's Philosophy of Right*. Tulisan itu tidak diterbitkan sehingga kematian menjemput beliau, tetapi hanya pengenalan kepada manuskrip itu diterbitkan pada tahun 1844. Selain daripada kritikan beliau terhadap falsafah politik Hegel, beliau juga menulis tesis falsafah beliau tentang tanggapan Democritus dan Epicurus terhadap alam. Dari perkembangan falsafah Hegelian, beliau mula berjinak-jinak dalam penulisan terhadap keterasingan (alienasi) manusia lebih spesifiknya adalah keterasingan pekerja kilang, iaitu empat jenis keterasingan yang disebut dalam bukunya.⁴ Pembincangan alienasi ini ialah titik awal sebagai pembincangan beliau tentang subjek – berkisar soal subjektiviti.

Daripada segi pembuktian, penulisan beliau tidak mampu membuktikan dengan tuntas berkenaan alienasi pekerja, oleh sebab itu beliau mula mengalih satu langkah kaki beliau ke arah persoalan politikal ekonomi yang mula dikenali sejak pertemuan bersama Engels. Marx setelah 1844 sangat kurang menulis tentang falsafah bahkan boleh dikatakan tiada. Dalam penulisan *The Holy Family 1845* beliau mengkritik falsafah Edgar Bauer adik kepada Bruno Bauer serta beberapa tindakan kelompok yang dikenali sebagai *Critical Criticism* yang lebih terkesan dengan falsafah politikal ekonomi Proudhon. Perpisahan Marx dengan falsafah sangat ketara apabila beliau mula mengatakan ahli falsafah hanya mempersoalkan dunia, tetapi mengubah adalah jalannya – dalam tulisan beliau bersama Engels dalam *The German Ideology*.

Persoalan falsafah secara mendasar mula diambil alih oleh sahabat karib beliau – Engels. Melihat marxisme adalah melihat gabungan ide Marx dan Engels secara tidak terpisah. Membaca

⁴Marx 1844.

marxisme adalah pembacaan secara tiga sudut basis iaitu falsafah, ekonomi, dan politik.⁵ Perubahan ini boleh dikelaskan sebagai perubahan dari kelompok kontinental kepada analitikal. Dalam tulisan Marx – *The German Ideology* beliau mengkritik golongan pemuja-setia falsafah Hegel yang membaca sejarah secara tidak saintifik, melihat sejarah tidak pada data-data yang terkumpul tetapi membaca sejarah dengan hanya pandangan kepada subjek. Perubahan sosial bagi Hegelian ialah perubahan subjek, pergerakan sejarah ialah pergerakan rasional subjek sedangkan Marx melihat kepada struktur sistem dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan kondisi material serta mula mengasas teori analisis kelas.

Pada tahun 1844 Marx mula memisahkan dirinya dengan penulisan falsafah. Tetapi apa yang perlu dipersoalkan: Adakah penyisihan diri beliau daripada falsafah kerana falsafah itu satu perkara yang sia-sia atau soal idealisme semata-mata? Jika diteliti, sahabat karib beliau bertungkus lumus membincangkan falsafah epistemologi dan ontologi secara fundamental dengan membangun satu falsafah baru iaitu berdasarkan ‘hukum’ dialektikal. Malahan tiga ‘hukum’ dialektikal materialisme yang berbuah ranum dalam tulisan Engels ialah kutipan yang sama seperti dalam falsafah Hegel.

Apabila Marx membidas persoalan tentang falsafah, bukan beliau ingin menghapuskan persoalan-persoalan falsafah, seperti kritikan Heidegger kepada Marx dalam satu temu bual – Heidegger mempertikaikan paradoks argumentasi Marx tentang “ahli falsafah hanya mengolah persoalan dunia...” tetapi Marx sendiri keliru dengan argumentasi itu kerana, apabila Marx mempersoalkan soal *changes* dalam dunia ini maka persoalan itu sudah terkandung dalam konsepsi tentang perubahan. Pembincangan tentang konsep perubahan adalah pembincangan falsafah yang telah diteliti sejak dahulu lagi oleh filasuf. Menjawab jawapan Heidegger itu, Marx sebenarnya bukanlah membungkam falsafah seperti yang difahami sekarang. Persoalan falsafah pada zaman Marx lebih tertumpu kepada makna dan pembincangan metafizik. Persoalan sains mendapat tempat pada waktu itu, pembongkaran ilmu alam telah memberi nafas baru kepada pencapaian tamadun manusia dengan pantas.

Pembangunan kapitalis boleh dilihat seiring dengan pembangunan kajian saintifik. Apa yang Marx cuba lakukan adalah melihat objektiviti sistem kapitalisme yang mula membinasakan manusia dan alam jagat. Pembincangan tentang perubahan subjek

⁵Harrison 2014.

tidak mengubah apa-apa sistem. Analisis Marx tentang revolusi Perancis adalah berdasarkan persoalan ketidakmampuan sistem feodal bertahan dengan pembangunan material. Sistem feodal tidak lagi mampu menampung tenaga produksi pekerja seperti sistem kapitalisme. Oleh sebab itu, perampasan kuasa oleh golongan borjuis adalah bertepatan dengan kejatuhan sistem feodal dan kebangkitan sistem kapitalisme. Marx melihat perubahan ini dalam konteks perubahan material bukan dalam konteks pembangunan nilai murni, atau akal budi manusia.

Sejak 1845 dalam tulisan beliau dalam *The Holy Family* sehingga *The Poverty of Philosophy* 1847 ialah soal kritikan terhadap fahaman politikal ekonomi Proudhon. Marx melihat analisis Proudhon berkisar soal *Justice, Equity, Freedom* sangat tempang untuk dijadikan satu analisis ekonomi.⁶ Bagi beliau, persoalan tentang hukum moral ialah persoalan yang tiada basis. Ini kerana, basis hukum moral berkisar tentang produksi sosial dalam budaya. Beliau melihat, sosial itu telah memproduksi bermacam-ragam nilai yang abstrak menurut ide yang terreflek dari mod produksi seharian mereka. Tindak tanduk manusia terhadap mod produksi ini telah melahirkan ide tentang moral, undang-undang, serta fahaman agama.⁷ Dari titik inilah bermulanya pembincangan tentang teori subjektiviti.

3 Subjek: Peranan Baru Analisis Sosial

Tokoh seperti Zizek mula membahas analisis sosial dalam peranan subjek atas material. Jika sebelum ini, analisis sosial adalah realiti objektif atas subjek tetapi setelah kejatuhan Soviet analisis kelas sudah berubah wajah. Marx membawa pembincangan kelas kerana persoalan kelas adalah objektif dalam mod produksi kapitalisme. Seperti mana mod produksi feodalisme yang memerlukan hamba dan tuan, tetapi perubahan kelas terbentuk apabila mod produksi turut berubah; hamba dibebaskan menjadi pekerja upah. Persoalan ini terangkum dalam analisis kelas yang telah membawa Marx menulis buku beliau iaitu *Das Kapital*.

Persoalan tentang budaya menjadi perkara asas dalam teori subjektiviti. Pembincangan efek seni terhadap manusia seperti kritikan George Lukacs terhadap seni borjuis yang hanya membawa nilai-nilai idealisme dalam perubahan sosial. Apa yang perlu seni

⁶Marx & Engels 1845.

⁷Marx 1846.

itu tonjolkan ialah sesuatu yang realiti, tidak terpisah daripada perilaku manusia kebiasaan. Tetapi apa yang dibawa borjuis adalah persoalan seni yang berlandaskan imaginasi subjektif per se yang tidak terhubung-kait dengan objektiviti ranah hidup sosial (kelas). Pembawakan teori subjektiviti Lukacs ini membawa landskap baru dalam menganalisis identiti sosial.

Kelompok *Frankfurt School* terkenal dengan analisis mereka yang berlandaskan teori kritikal iaitu membicarakan perihal sosial yang terkesan dengan dunia eksternal. Pembincangan ini bertujuan untuk mengkaji tindak tanduk sosial serta mencari solusi di sebalik ranah kehidupan dalam sistem kapitalisme. Pembincangan subjektiviti bukanlah datang dari ketidaktahuan tetapi diambil daripada tulisan-tulisan Marx yang berlandaskan teori kelas beliau. Seperti yang Marx garapkan dalam ide beliau, materialisme lama ialah perkaitan keterbalikan dunia atas fikiran manusia yang mana hanya bersikap satu hala, tetapi materialisme baru adalah perkaitan dua hala antara realiti objektif yang praktikal dan pembentukan nilai baru atas dunia material.⁸ Argumentasi Marx ini boleh diringkaskan seperti contoh perihal pertemuan manusia terhadap sumber api dan perasaan terhadap sifat panas.

Sifat panas api itu tidak datang dengan tiba-tiba atau dari wahyu tuhan tetapi dari tindak tanduk manusia yang praktikal untuk mencari sumber yang bersifat panas. Kehadiran api itu hadir bersama hubungan sosial dengan material yang mampu melahirkan api. Hubungan materi api dengan manusia melahirkan satu ide tentang kepanasan. Sifat kepanasan itu tidak muncul daripada ketidaktahuan kepada ketahuan yang tiba-tiba. Berlaku hubungan yang tidak terelakan antara materi dan manusia atau sosial tetapi materi itu yang menjadi primari. Hubungan manusia itu juga tidaklah bersifat secara subjek yang keseorangan tetapi antara sosial yang terbentuk atas mod produksi sehingga melahirkan budaya yang baru.

Oleh sebab itu, sukar sekali untuk kita menafsirkan kewujudan tamadun yang bersifat kompleks seperti sekarang di zaman kuno dahulu. Ini kerana mod produksi terdahulu tidaklah sekompleks sekarang. Permasalahan yang utama bagi Marx adalah persoalan objektivinya kajian beliau tentang faktor material atas hubungan sosial. Seperti mana kejatuhan sistem hamba dan feudalisme.

⁸Marx 1845.

Argumentasi ini termuat dalam analisis kelas beliau dalam falsafah historikal materialisme.

Walaupun begitu, Marx bercakap juga tentang *class struggle* yang mana menjadi batu asas dalam pembincangan marxisme. Buku Lukacs iaitu, *History of Class Consciousness* membahas soal nilai kesedaran kelas proletar yang harus dibawa dalam revolusi. Penulisan ini membawa satu nafas baru kepada penolakan marxisme ortodoks – melihat peranan Hegel dalam pembentukan falsafah Marx. Walaupun begitu, beliau tersilap langkah dalam perkara yang begitu basis iaitu kesilapan dalam melihat perbezaan konsep alienasi Hegel dan Marx. Hegel memandang alienasi terhadap subjek sebagai satu perkara yang semula jadi objektif tetapi Marx memandangnya sebagai satu bentuk penindasan dalam hal politik ekonomi.⁹ Tulisan Lukacs itu walau bagaimanapun membawa satu landasan baru bagi pembincangan subjektiviti.

Bagi beliau kelas proletar boleh mencapai pemaknaan dalam kesedaran sebagai proletar. Pemaknaan yang dimaksudkan ini datang daripada praktikal kehidupan proletar yang sedar mereka terperangkap dalam ranah penindasan kapitalisme. Oleh sebab itu, ide kesedaran kelas ialah satu pembincangan yang fundamental dalam perihal perubahan sosial. Tindakan kelas proletar ini didorong oleh rasionaliti dalam kelas mereka. Lukacs mengangkat subjek sosial sebagai pengubah kepada sistem kapitalisme yang mana tidak terelakan revolusi jika wujud kelas proletar yang sedar. Subjek menjadi penunjuk aras dalam hal ini.

Jika dijenah sekalipun, Lukacs seorang yang meminati bidang seni dan sastera. Perbahasan beliau tentang sastera tampak jelas dalam buku beliau *Essay on Realism*. Seni untuk masyarakat atau seni untuk seni menjadi perdebatan hangat pada zaman itu. Seni untuk realiti masyarakat, diangkat oleh Lukacs. Beliau turut membezakan antara *socialist realism* dan *critical realism*. Bagi beliau melihat subjek itu sememangnya tidak lari daripada fenomena pengalaman manusia, tetapi secara realiti penulisan sesuatu cerita tentang masyarakat perlu berangkat pada soal yang realiti luar (*inside*) dan dalam (*outside*) menurut pengalaman penulis.

Pergerakan sejarah yang benar bagi beliau ialah sejarah perjuangan proletar yang sedar. Kesedaran kelas ini bagi beliau hanya boleh dibentuk dalam sesebuah parti yang mana para intelektual menjadi batu asas untuk membantu golongan proletar sedar akan

⁹Marx 1992.

kedudukan mereka. Beliau membahas tentang sastera kerana ingin membezakan antara realiti kelas borjuis dan kelas proletar. Sastera sebagai satu medium untuk menyedarkan proletar akan realiti kelas mereka. Sastera sebagai senjata untuk membangkitkan revolusi, satu penilaian dari aspek subjektif teori marxisme.

Berbeza pula dengan Gramsci, beliau melihat manusia itu membawa perubahan. Tidak tertakluk kepada kelas proletar sahaja. Malahan kritikan beliau kepada ramalan 'kesucian objektif' yang hanya melihat segalanya soal realiti objektif sehingga mengabaikan subjektif manusia. Persoalan yang dilontarkan Gramsci ini kerana melihat revolusi yang berjaya di Russia, tanggapan Marx bahawa revolusi hanya mampu terkesan di negara yang sudah berlaku pembangunan industri sama-sekali terbatal. Russia, China, Cuba adalah negara yang berlakunya revolusi tanpa adanya pertikaian tentang mod produksi seperti di Eropah. Gramsci melihat peristiwa ini sebagai satu perkara yang penting untuk dijadikan analisis sosial. Bagi beliau revolusi sosialis itu tiada mengena antara saintifik atau tidak; revolusi sosialis secara *absolutnya* tidak dapat dijangka.¹⁰

Berangkat daripada itu, muncul satu kelompok baru dalam marxisme iaitu lebih dikenali sebagai *Phenomenology Marxism* yang mana membawa diskusi marxisme ke arah agensi subjek yang lebih konkrit sehingga menjengah kepada implikasi individuasi. Individuasi adalah satu proses individu dalam tindakan kognitif mereka yang tidak sedar sejurus menghadirkan diri mereka yang sedar dalam perkara yang berbeza dari manusia lain. Analisis ini melihat sosial secara terpisah, terkeluar daripada analisis kelas yang dipraktikkan oleh Marx serta ortodoks marxisme. Secara mudahnya individu yang menjadi individu jangan dicampur-adukkan dengan persoalan individu yang individualistik.

Persoalan individuasi seperti yang dinyatakan oleh Kierkegaard, Nietzsche, Schopenhauer, dan Sarte dapat dilihat dalam tulisan mereka yang menjurus kepada persoalan agensi subjek yang bersifat soal-soal individuasi seperti *Will to Power*, *Radical Freedom*, *Angst*, dan beberapa lagi terma yang terpakai dalam tulisan soal individuasi. Selain itu, Husserl bapa kepada metod fenomenologis membawa nafas baru apabila dia mengaitkan kesedaran subjek sentiasa inheren dengan objek di luarnya. Persoalan ini bermula kerana beliau cuba untuk merungkai soalan-soalan tentang subjek secara konkrit dan melihat kesedaran itu sentiasa adalah kesedaran akan *sesuatu*. Ke-

¹⁰Miller 1982.

sedaran adalah sejauh pengalaman individu dengan sesuatu sejalur momen tertentu. Sejurus individu lain cuba menggapainya sewaktu itu ia terus berubah 'wajah' kerana perkaitan antara pengalaman individu adalah berbeza antara yang lain.

Bagi beliau sains alam yang objektif tidak terpakai dalam menilai manusia, manusia adalah makhluk yang transendensi sains alam. Penilaian manusia sejauh sains akan menimbulkan krisis yang tiada kesudahan. Sebaik sahaja timbul manusia dalam ranah kajian saintifik, di saat itu kajian itu terus menjadi tidak stabil. Kajian behaviourisme contohnya melihat manusia dalam paten-paten yang mampu dirungkaikan dalam kondisi yang tertentu turut menemui jalan buntu.

Falsafah Husserl ibarat memberi tanah subur kepada filasuf selepasnya, beliau mengharapakan satu *super-rasional (uberrationalismus)* iaitu satu transendensi dari rasional lama yang terbatas. Persoalan ini bertujuan untuk membahas teleologikal individu tentang kehidupan mereka, seperti saranan Heidegger, subjek individu perlu ambil kisah tentang perihal hidup mereka dan menerima tanggungjawab ke atas diri mereka.¹¹ Manusia ini kata beliau menjadi satu makhluk yang ketercampakan dalam Ada. Dari titik itu, muncul sosok marxis di Perancis yang menjadi hangat sehingga wujud budaya mengagungkan filasuf – iaitu Jean-Paul Sarte.

4 Individuasi Sarte

Individuasi seperti yang telah dijelaskan ialah persoalan individu yang melalui proses menjadi diri yang berbeza dari benda yang lain sejurus individu lain. Cara pandang ini adalah untuk mengelakkan manusia itu terjatuh dalam ranah objektif. Manusia dilihat sebagai sosok yang terasing dari alam yang tersergam. Manusia sekali lagi kembali seperti pembincangan falsafah klasik – sebagai pemberi makna atas segalanya. Manusia sebagai pusat alam.

Lebih dekat yang kita boleh lihat adalah dalam perkembangan kelompok *Frankfurt School* – Max Horkheimer, Theodor Adorno, dan Herbet Marcuse. Jika diteliti Adorno pengajian awalnya ialah falsafah Kierkegaard, manakala Marcuse pula berguru di bawah kelola Heidegger. Pembawakan konsepsi subjektif sangat jelas dalam kelompok intelektual *Frankfurt School*. Selain daripada itu, *Frankfurt School* sangat banyak berhutang budi dengan teori

¹¹Miller 1982.

rasionaliti Weber dan psikoanalisis Freud. Jarum teori Weber dan Freud ini mula tertusuk dalam marxisme yang baru dan membiak sehingga sekarang.

Walaupun begitu, Adorno dan Horkheimer tidaklah terlalu terikut dengan persoalan individuasi ini kerana Marx pernah mengkritik secara keras kepada Max Stirner soal sikap individualistik yang dipegang beliau. Bagi Marx, adalah amat penting untuk melihat kelangsungan proses sosial berjalan. Individualisme bagi Marx adalah persoalan kondisi manusia yang membuah dalam masyarakat borjuis. Oleh sebab itu, *Frankfurt School* yang masih mengekalkan tradisi *Hegelio-Marxist* dapat mengekalkan teori mereka untuk jangka masa yang lama.

Menjejak lebih dalam perihal subjektiviti, Sarte tampak menyerlah kepada kalangan anak muda yang berjinak-jinak dengan falsafah kecemasan (*angst*). Pembincangan tentang Sarte sangat mengganggu jiwa terutama tentang maksud *Radical Freedom* yang diutarakan beliau. Sesuatu kebebasan yang memerlukan "keautentikka": terma yang dipinjam oleh Heidegger *authenticity (Eigentlichkeit)*. Bagi beliau kebebasan itu memerlukan satu tindakan yang autentik yang mana sosok individu itu harus mengambil kisah tentang tindakannya tanpa ada terikat dengan bukan kehendak dirinya. Penerangan tentang autentik ini sangat samar-samar. Ini kerana tindakan seseorang itu sukar untuk disukai berdasarkan autentiknya. Penjelasan beliau sangat berbaur idealisme dan boleh dikelaskan sebagai subjektif-idealisme.

Beliau menegaskan, autentik itu tidak boleh tergantung kepada tindakan yang melibatkan politikal atau sosial. Tindakan yang autentik ialah tindakan yang sungguh-sungguh ingin sedar akan akibat dan bertanggungjawab menghadapinya, mungkin sahaja mendapat kebahagiaan atau kehinaan, boleh sahaja menggembirakan atau mendukacitakan; kadang-kala menakutkan. Bagi beliau, memberi alasan tiada jalan ialah satu argumentasi yang tiada asas. Perbahasan tentang autentik ini didahului dengan perbahasan kebebasan.

Sebab itulah, Sarte memulakan pencarian awalnya dalam erti kata kebebasan. Beliau percaya, manusia lahir pada asalnya dengan kebebasan, tetapi kenapa seperti dilihat manusia penuh terikat dengan pelbagai perkara baik dari eksternal dan internal. Kebebasan bagi beliau adalah anugerah yang mesti dibanggakan setiap sosok individu. Memilih untuk bebas adalah memilih untuk menjadi Ada. Sesiapa yang menidakkan kebebasan diri beliau, digelarkan sebagai kepercayaan palsu (*bad faith*). Ini kerana manusia yang terus

menerus tertindas dengan tekanan sosial mengambil jalan itu lagi dan meniadakan jalan kebebasan. Kritikan ini jelas menuju kepada ketidakbebasan dalam ikatan sosial. Perbahasan Sarte tentang kebebasan tidak jauh beza dengan perbahasan *Ownness (Eigenheit)* oleh Max Stirner; “rakan karib” kepada Engels.

Sarte tidak hanya membahaskan soal kebebasan, lanjutan daripada itu beliau sangat mengangkat falsafah marxisme dan gigih dalam perjuangan revolusi. Beliau menulis esei yang mengkritik golongan materialis ortodoks dengan membuat tiga serangan basis terhadap dialektikal materialisme.¹² Bagi beliau hanya manusia yang bebas mampu membawa revolusi dan perubahan kepada sistem kapitalisme. Bertepatan dengan sudut pandang beliau, revolusi itu didorong oleh manusia transendensi. Tujuannya adalah untuk menghapuskan kelas sosial yang ada. Bagi Sarte, materi tidak mampu membawa pengakhiran teleologikal ini kerana hanya manusia transendensi, mengatur projek dan persoalan tentang kebebasan dalam dunia kebendaan (materi).

Sarte melihat *law of nature* adalah penghalang kepada manusia transendensi. Jika manusia itu patuh kepada *scientific law* yang dikatakan sebagai dialektikal materialisme, makanya manusia itu terus menerus terikat tanpa punya kebebasan. Beliau bertegas bertahan dengan fahaman ini seperti yang tertulis dalam *Critique of Dialectical Reason*, dialektik bagi beliau bukan determinisme. Penolakan kepada dialektikal materialisme yang dijuhkan sebagai determinisme, Sarte membawa satu jalan baru kepada praktik revolusi. Beliau mencadangkan mengambil pengalaman pekerja yang tertindas. Penat jerih pekerja itu adalah inhere dengan kewujudan pekerja itu. Beliau membahaskan setiap perubahan adalah perlu kepada persoalan yang Ada terlebih dahulu. Setiap perubahan itu berhubung-kait dengan karakter teleologikal pekerja.

5 Kesimpulan

Persoalan marxisme sangat besar, dan memerlukan perbahasan yang sangat panjang. Titik akarnya diambil sejak Marx sehingga perkembangan sekarang. Marx membawa satu gagasan yang sangat besar kepada sosial. Bukan itu sahaja, kepelbagaian dan perbezaan falsafah dalam Marx menunjukkan bahawa relevannya kritik Marx atas

¹²Sartre 1946b.

kapitalisme. Dari sini kita dapat mengambil dan membincangkan dari sudut mana marxisme itu bercambah dan menuju ke arah mana.

Tulisan ini tidak mempunyai kritikan terhadap subjektiviti, hanya sedikit cuit-cuit manja di celah-celah perenggan yang tersedia. Ini kerana, pembincangan untuk mengkritik satu-satu aliran falsafah mengambil masa yang agak lama serta penelitian yang benar-benar telus. Pengajaran yang boleh diambil adalah Marx sendiri mengkritik dengan teliti, sehingga banyak tulisan beliau yang tidak diterbitkan kerana mempunyai beberapa masalah dalam kritikan. Peralihan beliau daripada falsafah kepada politikal ekonomi juga adalah satu tindakan yang harus diambil serius.

Tindakan itu jelas menunjukkan bahawa ketekunan Marx dalam mencari kebenaran di luar akal budi manusia. Pemindahan dari falsafah kontinental Jerman idealisme kepada analitikal yang saintifik jelas memaparkan Marx cuba melarikan diri dari bercakap perihal kosong yang tidak praktikal. Sekalipun begitu, tidaklah tulisan ini menidakkan usaha-usaha tokoh marxisme yang tampak berbeza dengan Marx. Ini kerana Marx sendiri tidak terlepas dari melakukan kesilapan, tetapi kajian yang dilakukan Marx bersama rakannya Engels harus dinilai dengan teliti.

Rujukan

Harrison, Oliver

2014 *Revolutionary Subjectivity in Post-Marxist Thought: Laclau, Negri, Badiou.*

Lukacs, Georg

1964 *Realism in our Time Literature and the Class Struggle.*

Marx, Karl

1844 *Economic and Philosophic Manuscript of 1844.*

1845 *Theses on Feuerbach.*

1846 *The German Ideology.*

1992 *Early Writing*, terj. Rodney Livingstone & Gregor Benton, Penguin Classics.

Marx, Karl & Friedrich Engels

1845 *The Holy Family.*

2008 *On Religion.*

Miller, James

1982 *History and Human Existence from Marx to Merleau-Ponty.*

Mulyanto, Dede

2015 *Di Balik Marx: Sosok dan Pemikiran Friedrich Engels.*

Sartre, Jean-Paul

1946 *Materialism and Revolution.*

Suryajaya, Martin

2012 *Materialisme Dialektik Kajian tentang Marxisme dan Filsafat Kontemporer.*